

01/06/2005

ABDULLAH-PROTON

PERLINDUNGAN K'JAAN UNTUK PROTON BUKAN UNTUK SELAMANYA, KATA PM

KUALA LUMPUR, 1 Jun (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata perlindungan kerajaan ke atas syarikat pengeluar kereta nasional, Proton, bukanlah untuk selama-lamanya.

"Melindungi Proton tidak bermakna untuk selama-lamanya, ia hanyalah untuk membantu menaikkan kualiti kereta nasional," kata beliau ketika menjawab soalan mengenai perlindungan berterusan yang diberikan oleh kerajaan kepada syarikat itu.

"Saya percaya Proton kini mampu bersaing dan kilang di Tanjung Malim mempunyai keupayaan untuk menghasilkan kereta berkualiti tinggi," kata Abdullah.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas mengenai kenyataan oleh Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Rafidah Aziz yang adalah menjadi dasar kerajaan untuk tidak mendedahkan nama pemegang Permit Import (AP).

Rafidah menjawab kenyataan bekas Perdana Menteri Tun Mahathir Mohamad agar nama mereka yang mendapat AP didedahkan sebagai langkah menghindarkan sebarang salah sangka atau penyelewengan atau tuduhan ketidakadilan dalam pemberian atau pengeluaran AP.

Perdana menteri turut mengesahkan kenyataan Rafidah adalah menjadi dasar kerajaan untuk tidak mendedahkan nama-nama mereka yang telah menerima AP untuk mengimport kereta-kereta dari luar negara.

Beliau berkata perkara itu tidak dibincangkan pada mesyuarat Majlis Tertinggi UMNO hari ini tetapi "kami telahpun mengambil ingatan atas penjelasan Rafidah (di dalam media). -- BERNAMA

UHS MR SHY AA